


7 CARA NAIKKAN SERI MUKA DENGAN MEKAP TIPIS



Ada masanya kulit kita tidak mahu beri kerjasama, tiba-tiba sahaja ia bertukar kusam dan tidak bermaya. Walhal tidak pernah pula anda tinggal sebarang rutin penjagaan. Dan lebih menakutkan lagi, majlis dah nak dekat! Biasalah kadangkala cantik perempuan ini ikut mood dan hormon.



Sudahlah kulit kusam, mood nak bermekap pun jadi malas. Anda boleh tinggalkan beberapa teknik 'berat' dengan mengaplikasi 7 teknik yang boleh diamalkan setiap kali anda malas untuk mekap tapi mahu nampak berseri!

SOALAN:

Macam mana nak nampak wajah berseri tapi tak perlu bersolek tebal?

JAWAPAN:

1 Guna concealer – Malas untuk sapu keseluruhan wajah dengan foundation? Tutup sahaja cela wajah dengan menggunakan concealer. Terutamanya dibawah mata, tepi hidung dan parut jerawat.

2 Maskara – Hidupkan kembali mata dengan maskara. Bukan mata bertambah galak dan tak perlu bercelak tebal.

3 Garis alis mata – Biasa pakai celak atas alis mata, kali ini ambil pensil mata warna cerah seperti nude atau putih untuk diwarnakan pada garis alis mata. Teknik itu boleh mengubah bentuk mata jadi lebih besar.

4 Kening jangan lupa – Kening tebal? Sikat bulu kening biar rapi dan untuk si kening nipis, lukis sikit bentuk kening dan tambah warna dalam garisan kening terutamanya dibahagian hujung.

5 Bronzer – Tukar muka pucat anda dengan menyapu bronzer di bahagian tulang pipi dan garis rambut (dahi). Anda boleh guna shimmering bronzer untuk hasil lebih mengagumkan. Setiap sapuan bronzer boleh menaikkan seri dan struktur wajah.

6 Pakai gincu berglos – Ramai kini lebih menyukai gincu jenis matte tapi dari pendapat penulis, gincu jenis glos lebih sesuai untuk hasil segar. Tekstur berkilat dan lembab buat bibir nampak sihat sekaligus senyuman anda juga jadi menarik!

7 Bawa setting spray – Bekalan paling penting untuk kulit wajah dan mekap kekal segar serta terhidrasi ialah setting spray.

